

06 OCT 2000

MAHATHIR-BSKL

MAHATHIR: BURSA SERANTAU LAIN JUGA PERLIHATKAN PRESTASI BURUK

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menolak tanggapan bahawa Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) merupakan satu-satunya bursa di rantau ini yang menunjukkan prestasi buruk sejak kebelakangan ini.

Pasaran-pasaran saham lain juga tidak mencapai prestasi yang tinggi, katanya dalam satu wawancara dengan Financial Times, London semalam.

Indeks Komposit BSKL ditutup pada 709.55 mata hari ini, merosot jauh daripada 900 atau lebih mata beberapa bulan dahulu.

Dr Mahathir berkata jika kita lihat BSKL sejak krisis kewangan lalu, ia telah menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada semua pasaran saham lain di rantau ini.

Bagaimanapun, katanya BSKL kadang-kadang mencerminkan apa yang berlaku di pasaran-pasaran saham lain.

"Saya tidak begitu tahu apa yang menggerakkan indeks, tetapi saya rasa ramai orang menunggu sesuatu berlaku dan saya tidak tahu apakah yang mereka harapkan daripada kerajaan," kata Dr Mahathir yang kini sedang dalam lawatan kerja selama 10 hari ke Britain.

"Barangkali mereka mahu melihat Belanjawan (2001), ataupun mereka mahu melihat perangkaan prestasi ekonomi. Kami diberitahu, misalnya jika Morgan Stanley (Capital International) menyenaraikan semula Indeks Kuala Lumpur, kenaikan akan berlaku, tetapi pada hakikatnya angka-angka ini turun," tambah beliau.

Dr Mahathir telah ditanya tentang tadbir urus korporat, sama ada ia lemah di Malaysia dan jika keadaan tadbir urus korporat pada masa ini mempunyai kesan ke atas prestasi pasaran saham tempatan.

Dr Mahathir menjawab, "Itu tanggapan mereka, tanggapan mungkin salah. Banyak perkara telah diperkatakan berhubung dengan Malaysia, yang akhirnya terbukti tidak benar.

"Jadi, bila orang ada sedikit idea tentang kedudukan perkara, mereka melalut. Kami sedang mencuba untuk memperbaiki tadbir urus korporat.

"Kami juga telah mengkaji sistem perbankan untuk memperbaikinya. Sudah agak banyak yang kami lakukan. Perlu diingat bahawa Malaysia mempunyai kawal seliaan yang jauh lebih baik sebelum ini.

"Malah kami telah lama mempunyai undang-undang kebangkrapan, sedangkan negara-negara lain baru mula mengadakannya. Jadi dari segi memperbaiki tadbir urus korporat, tidak banyak lagi yang boleh kami buat."

Ketika ditanya sama ada berlaku keengganan di pihak-pihak pemilik tempatan untuk menjual syarikat-syarikat besar kepada rakyat asing, Dr Mahathir berkata, "Kami masih berpendirian bahawa kami perlu mengenakan kawalan ke atas sesetengah syarikat kami. Anda mesti ingat bahawa bank-bank asing beroperasi...Malaysia telah dibuka kepada bank-bank 100 peratus milik asing sejak lama dahulu.

"Tetapi ada perkara-perkara tertentu yang jelas memerlukan kami menyimpannya untuk kami sendiri. Jika tidak kami akan hanya menjadi pekerja bagi syarikat-syarikat asing. Kami tidak tahu apa dasar yang mungkin mereka amalkan dan mereka mungkin menutup kemudahan-kemudahan mereka di sini kerana pengeluaran mereka lebih cekap di negara lain. Jadi, kami perlu juga mengkaji perkara sedemikian.

Ditanya mengenai kemungkinan pembuat kereta nasional Proton dijual, Perdana Menteri berkata, "Kami akan menjual sebahagian besar Proton kepada syarikat asing, tetapi untuk menjual kesemuanya dan membiarkan orang asing

menentukan kedudukan pengeluaran kereta di Malaysia, saya rasa ini merbahaya bagi Malaysia."

Menyentuh tentang apakah pendorong pertumbuhan ekonomi bagi Malaysia di masa akan datang, beliau berkata negara ini masih merupakan satu pusat pembuatan yang besar bagi dunia di mana barangan dikilang menyumbang 82 peratus keseluruhan eksport.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia tidak bimbang dengan pergerakan harga petroleum "kerana kami ada bekalan petroleum sendiri."

Beliau juga menegaskan bahawa negara ini merupakan pusat perlaburan yang baik dalam pembuatan dan kemudahan pengeluaran dan bahawa kerajaan melakukan banyak usaha dalam industri IT yang telah menarik banyak pelaburan.

Contohnya, kata beliau, Ericsson dari Sweden telah melabur jumlah yang sangat besar untuk mengeluarkan telefon mudahalih di Malaysia.

Ditanya sama ada Malaysia mempunyai matawang yang berdaya saing, Dr Mahathir menjawab. "Ya. Kos di Malaysia sangat rendah. Ia adalah kira-kira satu pertiga daripada AS dan kurang daripada itu brbanding Eropah. Orang tahu bahawa mereka akan berada dalam persekitaran perniagaan yang mesra."

Tentang pandangannya mengenai prospek pertumbuhan Malaysia bagi tahun-tahun 2000 dan 2001, beliau berkata pertumbuhan sekurang-kurangnya enam peratus dijangkakan.

Bercakap mengenai industri perbankan tempatan, Perdana Menteri berkata bank-bank tempatan kini telah bergabung dan bank-bank yang jauh lebih besar adalah diperlukan.

Beliau juga berkata pengurusan bank-bank tempatan perlu diperbaiki lagi. -- BERNAMA

SHY SHY KY OS